

**KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
(KIK)**



KAMUS ANTIDADAH “MY ALERT”

**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
NEGERI KEDAH
2018**

BAHAGIAN A:MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN & PROJEK

MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK	
Nama Organisasi	AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NEGERI KEDAH
Alamat Organisasi	ARAS 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, BANDAR MU'ADZAM SHAH, 06650 ALOR SETAR, KEDAH
Nama Kumpulan	PARADIGMA
Tajuk	KAMUS ANTIDADAH "MYALERT"
Tarikh Mula Projek	15 FEBRUARI 2018
Tempoh Pelaksanaan Projek	15 APRIL 2018
Tarikh Persembahkan Kepada Pengurusan Atasan	15 MEI 2018
KIK	(Sila tandakan (√) dalam kotak yang berkaitan) Primer ☐ Hibrid ☒
Bidang Inovasi	(Sila tandakan (√) dalam kotak yang berkaitan) Sosial ☐ Penyampaian Perkhidmatan ☒
Kategori Inovasi	(Sila tandakan (√) dalam kotak yang berkaitan) Penciptaan ☒ Penambahbaikan ☐
PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	
Fasilitator Kumpulan (Jika ada)	
Nama	MOHAMAD ZAKI FARKHI BIN AHMAD
Gred dan Jawatan	PEGAWAI ANTIDADAH GRED S44
No. Telefon Pejabat/ Faks	04-7000170
No. Telefon Bimbit	012-4619015
E-mel	zaki.farkhi@adk.gov.my
Ketua Kumpulan	
Nama	MOHD ZAKI BIN ABLAH
Gred dan Jawatan	PEGAWAI ANTIDADAH S41
No. Telefon Pejabat/ Faks	04-9189401
No. Telefon Bimbit	013-5000107
E-mel	naturezaki5@gmail.com
Senarai Nama Ahli	1. KU AZLIZA HARTIKA BINTI KU AZIZ

Kumpulan	2. NORMARIZA BINTI OMAR
	3. PUAN NORHASIANI BINTI MAT SALEH
	4. MOHD NAZMIR BIN MAHADZIR
	5. MOHAMAD IDRIS BIN AHMAD
	6. MOHD IZHAN BIN SHAFIE
	7.
	8.
	9.

Gambar Kumpulan



Keterangan gambar : dari kiri MOHAMAD IDRIS BIN AHMAD, MOHD ZAKI BIN ABLAH, MOHD NAZMIR BIN MAHADZIR, MOHD IZHAN BIN SHAFIE, DR. SAIDATUL NORLYANA BINTI AZEMI, NORMARIZA BINTI OMAR, NORHASIANI BINTI MAT SALEH, KU AZLIZA HARTIKA BINTI KU AZIZ

PENGESAHAN ORGANISASI

Dengan ini adalah disahkan bahawa **AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NEGERI KEDAH** (Nama Pejabat) akan menyertai Konvensyen KIK Peringkat Jabatan/Kementerian Tahun **2018**.

.....
(Tandatangan Ketua Organisasi)

Nama : MAHADZIR BIN ELIAS
Pegawai

Jawatan : Agensi Antidadah Kebangsaan
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Tarikh :

KRITERIA SATU: PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Kedah dengan usahasama dan kolaborasi di antara Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), badan NGO'S iaitu Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah Kubang Pasu, Kedah (JKPD) telah memutuskan untuk mencipta satu aplikasi yang mengikut arus teknologi yang serba canggih dan moden dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan selari dengan agenda nasional yang ditetapkan. Dengan keadaan politik, sosial dan ekonomi yang semakin mencabar di abad ini seiring dengan aspirasi rakyat, telah menuntut kepada penyampaian perkhidmatan yang cepat, pantas, tepat, terbaik dan menepati kehendak rakyat. Menerusi projek Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK), pihak AADK Negeri Kedah telah mewujudkan satu aplikasi, iaitu kamus berinformasi berkaitan dadah iaitu **“Kamus Antidadah My Alert”** yang boleh di akses oleh semua lapisan masyarakat bagi memenuhi kehendak pelanggan. Pengurusan atasan juga telah memberi sokongan dari segi memberi ruang masa dan penggunaan kemudahan peralatan yang digunakan semasa membuat projek kumpulan.

Kumpulan **PARADIGMA** memilih Bidang Inovasi Dalam Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) iaitu Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dalam kategori penciptaan untuk menghasilkan projek kumpulan. Pemilihan projek ini adalah berpandukan beberapa ciri utama di dalam Inovasi Penyampaian Perkhidmatan iaitu untuk memberi impak yang lebih besar dan mendapatkan info berkaitan dadah serta berkaitan AADK dengan lebih cepat dan pantas. Ia bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pegawai dalam menyampaikan maklumat bagi menjimatkan masa serta kos. Selain itu, ia dapat mengoptimumkan seminima mungkin kos dalam melaksanakan tugas bagi menangani kekangan sumber kewangan negara serta bahagian pengurusan tadbir dengan memperkenalkan produk inovasi baharu serta memperluaskan lagi penyampaian perkhidmatan dengan lebih berkesan. Bagi memantapkan lagi pelaksanaan tugas dengan lebih jitu dan menolak kaedah yang diguna pakai kerana hasil tugas yang kurang berkesan dengan memanfaatkan sepenuhnya bidang teknologi dan kepakaran yang sedia ada menjadi satu bidang teknologi yang baharu dalam jabatan. Berdasarkan kajian soal selidik yang telah dijalankan oleh kumpulan PARADIGMA, kami telah mengenal pasti beberapa permasalahan iaitu dari segi proses mendapatkan maklumat, masa menyampaikan perkhidmatan, pengetahuan pegawai, ketepatan maklumat yang diberikan kepada pelanggan serta kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Oleh yang demikian, kami telah memutuskan untuk mencipta **“Kamus Antidadah My Alert”** yang bakal memberi jalan penyelesaian serta inovasi terbaik yang boleh dimanfaatkan. Maklumat lengkap berkaitan dadah umumnya dan panduan-panduan khususnya kepada ibu bapa, guru, majikan, komuniti, belia dan pelajar dalam mengenal pasti anak-anak, pekerja dan pelajar yang berisiko terlibat dengan dadah boleh didapati hanya di hujung jari. Di mana pelanggan boleh mendapatkan maklumat yang dikehendaki di mana-mana sahaja dan tanpa mengira masa dengan hanya menggunakan aplikasi ini.

Untuk itu pihak pengurusan sentiasa memberi sokongan untuk melakukan penyebaran dengan penggunaan aplikasi projek ini diperluaskan ke semua AADK di seluruh Malaysia yang mana untuk peringkat permulaan hanya diperkenalkan di daerah-daerah di dalam Negeri Kedah sahaja.

KRITERIA DUA: SIGNIFIKAN PROJEK DAN PEMBUKTIAN

(a) Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan/ Organisasi

AADK sebagai agensi peneraju dalam membanteras permasalahan berkaitan dadah, sentiasa berusaha gigih dalam memberi perkhidmatan serta komitmen yang terbaik dari aspek pencegahan, rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan dan keselamatan. Aplikasi ini adalah kaedah yang boleh diguna pakai untuk diaplikasi dalam arena semasa kerana bertepatan dengan fungsi jabatan seperti termaktub di dalam **Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004, Seksyen 6(g) iaitu, “mendidik orang ramai untuk menentang penyalahgunaan dadah berbahaya”**. Oleh yang demikian, bagi memenuhi fungsi ini, ia memerlukan pelan tindakan yang efektif, efisien dan sesuai dengan peredaran zaman hari ini yang yang membolehkan pelanggan mendapatkan maklumat hanya di hujung jari dalam mengumpul maklumat. Hal ini memerlukan cara kerja yang cepat, cekap dan tepat dalam menyalurkan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Selain itu, strategi yang dijalankan oleh pihak AADK Negeri Kedah supaya semua komuniti mampu mendapatkan informasi terkini berkaitan dadah dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada komuniti seterusnya komuniti dapat menyampaikan info-info terkini kepada semua lapisan masyarakat. Di samping mendidik masyarakat tentang bahaya dadah dan pencegahan dadah. Ini bermakna, pihak jabatan juga perlu berurusan dengan komuniti yang memerlukan satu sistem penyampaian yang berkualiti bagi menjaga imej serta nama baik jabatan. Manakala **Piagam Pelanggan jabatan** juga menekankan pendidikan pencegahan, kesedaran awam dan maklumat berkaitan data dadah dapat diperolehi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Hal ini juga memerlukan konsep cepat, tepat dan padat dalam menyalurkan maklumat kepada pelanggan bagi mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam membanteras dadah.

(b) Memenuhi Kehendak Pelanggan dan Pemegang Taruh (Stakeholder)

Selain itu, projek ini dijalankan juga adalah atas kehendak pelanggan dan *stakeholders* kami merangkumi pihak kepelbagaian komuniti seperti Ibu bapa, Guru, Majikan, Pelajar dan kakitangan AADK, Badan NGO's di bawah AADK iaitu AJK JKPD, AJK CCH dan pengurusan atasan AADK dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Berdasarkan permasalahan yang dihadapi oleh kakitangan dalam mendapatkan maklumat dengan cepat dan tepat, dilihat projek ini mempunyai potensi untuk dijalankan serta dikembangkan. Projek ini sejajar dengan konsep perkhidmatan awam dan dasar-dasar utama peringkat nasional seperti Dasar Sosial Negara iaitu bermatlamat mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan mapan dari aspek sosial, ekonomi dan teknologi.

Merujuk kepada bebanan tugas kakitangan terutamanya di Unit Pencegahan AADK yang selalu terlibat dengan ceramah pencegahan dadah, aplikasi ini sangat membantu kakitangan untuk menjawab apa jua persoalan yang ditimbulkan oleh 'audience'. Kakitangan AADK boleh menggunakan aplikasi ini sebagai salah satu bahan untuk ceramah dan menyampaikan info-info terkini berkaitan dadah dan perkhidmatan AADK khususnya.

(c) Sejalan Dengan Agenda dan Matlamat Nasional

Bagi memenuhi satu pemikiran dan rangka kerja yang ke hadapan sesuai dengan matlamat Nasional seperti cabaran keenam Wawasan 2020 iaitu “Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan berpandangan ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan”. Aplikasi “**Kamus Antidadah My Alert**” ini bertepatan dengan penghasilan inovasi untuk merubah sikap, norma dan nilai masyarakat melalui system teknologi untuk kehidupan sosial yang lebih dinamik. Konsep CTI-PCI iaitu Konsep Cepat, Tepat, dan Integriti manakala PCI pula adalah *Productivity*, *Creativity* dan *Innovation* juga bertepatan dengan permasalahan yang dipilih. Jika penyampaian kurang cekap ini akan menjejaskan prestasi jabatan. Penggunaan Konsep ETP iaitu untuk memperkukuhkan sektor awam dalam isu penyampaian perkhidmatan yang efisien dan efektif ETP juga boleh dikatakan bersesuaian dengan permasalahan yang cuba diselesaikan oleh kumpulan kami. Dalam Rancangan Malaysia ke-11 juga ada menyentuh mengenai memperkasakan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat, dimana frasa ini berkait rapat dengan projek yang dijalankan. Dengan memperkasakan perkhidmatan yang diberikan maka kesejahteraan pelanggan dapat dicapai.

(d) Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa

Projek ini juga berkaitan dengan keadaan & ekosistem semasa dimana AADK Negeri Kedah perlu memenuhi dan memberi penekanan kepada keperluan semasa aspek penyampaian perkhidmatan dalam pencegahan dadah terutamanya dalam mendidik orang ramai untuk sama-sama membanteras penyalahgunaan dadah yang semakin membimbangkan kini. Banyak aduan dan kekangan yang dihadapi semasa menyediakan perkhidmatan. Oleh itu, kumpulan telah menginovasikan penggunaan telefon pintar dengan penyampaian perkhidmatan jabatan melalui penghasilan projek berinovatif yang memberi manfaat kepada agensi dan pelanggan mengikut anjakan paradigm semasa. Berdasarkan kaji selidik firma pew research center, Malaysia merupakan antara Negara yang mencatatkan jumlah penduduk memiliki telefon pintar tertinggi dengan menduduki tempat ke-10 di dunia. Justeru itu, penghasilan aplikasi “**Kamus Antidadah My Alert**” ini bertepatan dengan tsunami rakyat Malaysia yang merupakan antara pengguna tertinggi telefon pintar di dunia.

Penghasilan aplikasi telefon pintar dapat memudahkan cara kerja disamping cepat dan tepat dalam menyalurkan maklumat berkaitan dadah kepada pelanggan. Aplikasi ini dapat meringkaskan lagi langkah-langkah untuk mendapatkan maklumat. Pelanggan akan lebih berpuas hati terhadap sistem penyampaian perkhidmatan dengan adanya aplikasi ini. Secara tidak langsung akan menaikkan nama serta imej jabatan.


(e) Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis

Untuk pemilihan projek, ahli kumpulan telah mengenalpasti beberapa permasalahan yang memerlukan penyelesaian seperti jadual 1 di bawah yang menggunakan kaedah *Force Ranking*.

BIL	MASALAH	SANGAT UTAMA	UTAMA	KURANG UTAMA
M1	Kaedah pengumpulan maklumat yang terhad	3	2	2
M2	Masalah talian internet yang perlahan	3	3	1
M3	Info berkaitan dadah yang tidak tepat	3	2	2
M4	Keterbasan ilmu pengetahuan pegawai yang dirujuk	1	2	4
M5	Kekurangan maklumat berkaitan dadah	3	3	1
M6	Kekurangan kemudahan komputer	1	1	5
M7	Kos utiliti tinggi	2	3	2
M8	Kelewatan proses mencari maklumat	3	3	1
M9	Kekurangan bahan mentah seperti kertas	2	2	3
M10	Proses mendapatkan maklumat dengan cepat, pantas, tepat dan terangkum sekali	6	1	0

Jadual 1

Berdasarkan jadual 1, dapat dilihat semua ahli kumpulan memilih “**Proses Mendapatkan Maklumat dengan cepat, pantas, tepat dan terangkum sekali**” sebagai masalah utama yang perlu diselesaikan. Pemilihan masalah ini diberi fokus yang utama kerana melibatkan prestasi penyampaian maklumat jabatan kepada pelanggan dan pemegang taruh. Fokus utama kumpulan dalam menginovasikan sistem penyampaian perkhidmatan ini adalah masa. Data tempoh masa untuk “Proses Mendapatkan Maklumat dengan cepat, pantas, tepat dan terangkum sekali” dapat diukur melalui kaedah sebelum dan selepas langkah penyelesaian dilakukan. Sasaran projek adalah dapat mengurangkan jurang masa seoptimum yang mungkin dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Selain itu kaji selidik juga dilakukan kepada pelanggan dan hasil maklumat seperti rajah 2 di bawah. Soalan-soalan kaji selidik yang diedarkan (seperti lampiran) telah dikumpul dan didapati 85% bersetuju “**Proses Mendapatkan Maklumat dengan cepat, pantas, tepat dan terangkum sekali**” memberi kesan kepada penyampaian maklumat kepada pelanggan.



Rajah 2 (Tahap Kepuasan Pelanggan)

(f) **Penyataan Sasaran Outcome dan Impak**

Data utama projek bagi kumpulan PARADIGMA bertajuk “**Kamus Antidadah My Alert**” ini bertepatan dengan adalah dari segi pengurusan masa. Ini dapat dibuktikan dengan hasil statistik pengumpulan data masa yang diambil sepanjang mencari signifikasi projek inovasi kumpulan. Oleh itu, ahli kumpulan sebulat suara memikirkan satu aplikasi yang dapat digunakan untuk mengatasi masalah dalam proses mendapatkan maklumat dengan menggunakan kemajuan teknologi masa kini. Hasil analisa masa menunjukkan projek ini paling mungkin untuk dilaksanakan kerana melibatkan kecekapan, ketepatan, produktif setiap urusan dalam menyampaikan maklumat kepada pelanggan dan *stakeholder*. Sasaran kumpulan adalah dari segi penurunan masa untuk menyampaikan maklumat kepada pelanggan. Ini dapat dibuktikan data masa sebelum dijalankan projek dan selepas dijalankan projek menggunakan aplikasi yang dibangunkan oleh kumpulan KIK.

Potensi untuk dijalankan projek ini berdasarkan 3 kriteria yang ditetapkan, kreatif dan inovatif, impak positif yang tinggi dan menyeluruh dan pulangan nilai terbaik. Dari segi kreatif dan inovasi, projek yang dibangunkan mempunyai kriteria tersebut kerana ia dibangunkan menggunakan aplikasi android. Penggunaan aplikasi sepenuhnya menggunakan telefon pintar. Projek ini juga berinovasi dari penggunaan komputer kepada penggunaan aplikasi di dalam telefon pintar. Projek ini juga bakal memberikan impak positif yang tinggi dan perkongsian maklumat lebih menyeluruh. Ini dapat dijelaskan dengan penggunaan telefon pintar, semua pegawai boleh mengakses aplikasi ini dengan mudah dan mesra. Maklumat-maklumat terkini berkaitan dadah dan AADK juga boleh diakses dengan mudah kerana maklumat yang dikongsi di dalam aplikasi merangkumi semua butiran yang diperlukan oleh pelanggan termasuk faktor risiko dan faktor pelindung, kaedah rawatan, perundangan di samping senarai direktori AADK di seluruh Malaysia untuk dihubungi. Ini dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menyampaikan perkhidmatan. Manakala kriteria ketiga adalah pulangan nilai yang terbaik. Ini dapat difahami, dengan menggunakan aplikasi yang dibina ini, pihak pengurusan akan mendapat pulangan nilai yang terbaik dari segi penjimatan kos, masa dan tenaga melalui pengoptimumkan penggunaan sumber. Pulangan nilai tidak seharusnya dari segi nilai ringgit sahaja, namun nilai kepuasan bekerja, nilai kepuasan pelanggan juga menjadi titik tolak untuk kumpulan menjadikan projek ini sebagai inovasi kumpulan.

KRITERIA TIGA: TINDAKAN PENYELESAIAN

(a) **Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools**

Penggunaan Kaedah “*Design Thinking*” telah digunakan untuk menciptakan idea-idea baru dan inovatif yang dapat menyelesaikan permasalahan yang dikenalpasti. Selain itu ianya bersifat *human oriented* di mana terdapat 5 langkah *Design Thinking* iaitu *Empathize*, *Define*, *Ideate*, *Prototype* dan *Test*.



Langkah pertama di dalam konsep *Design Thinking* ialah *Empathize*. *Empathize* bermaksud memahami sesuatu masalah atau situasi secara mendalam dan terperinci dengan mengambilkira faktor dan situasi sebenar yang berlaku dengan menggunakan elemen “4M 1E” iaitu (*Men, Method, Material, Machine, and Environment*). Elemen **Men** menerangkan permasalahan yang dihadapi melibatkan manusia seperti, pemohon maklumat terpaksa menunggu masa yang lama untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki, maklumat yang dikehendaki oleh pelanggan hanya boleh dirujuk kepada pegawai tertentu sahaja, kesilapan maklumat, maklumat tidak dikemaskini dan maklumat yang tidak lengkap serta ketiadaan pegawai rujukan. Manakala elemen **Material**, bahan yang digunapakai pada masa sekarang dalam mendapatkan maklumat ialah melalui laman web dan dokumen di dalam sistem komputer yang data terhad. Situasi ini menyukarkan maklumat dikesan dengan segera dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan maklumat. Seterusnya elemen **Method** iaitu semua maklumat perlu merujuk pegawai berkaitan dan tidak dapat di akses selepas waktu pejabat. Elemen keempat, **Machine**, walaupun maklumat terdapat di dalam sistem berkomputer dan telefon pintar tetapi sukar di akses oleh semua kakitangan yang terlibat disebabkan kekangan kemudahan komputer dan internet. Elemen terakhir, **Environment** iaitu jarak lokasi antara pelanggan dan AADK berkaitan agak jauh dan mengambil masa untuk mendapatkan maklumat dengan segera.



Setelah mendalami permasalahan dengan terperinci, langkah kedua Define dilakukan dengan mengkaji peluang-peluang penambahbaikan bagi mengatasi isu yang dihadapi dengan menggunakan teknik “5W2H” bagi tujuan penyelesaian. Teknik “5W2H” (What, When, Who, Where, Why, How dan How Much) ini digunakan bagi memudahkan dan memperlihatkan kejelasan penyelesaian permasalahan yang terbaik.


Teknik “**What**” digunakan bagi mengenalpasti apakah kaedah atau cara yang perlu digunakan bagi memudahkan maklumat dibekalkan kepada pemohon. Manakala teknik “**When**” digunakan untuk mengenalpasti masa atau ketika permohonan atau permintaan berkaitan maklumat penghuni. Seterusnya teknik “**Who**” digunakan untuk mengenalpasti pelanggan yang terlibat iaitu ibu bapa yang mempunyai anak yang berisiko, majikan, guru, belia, pelajar dan komuniti.

Teknik “**Where**” menerangkan lokasi permasalahan berlaku iaitu di AADK Negeri Kedah. Sementara itu teknik “**Why**” digunakan untuk mengenalpasti kaedah yang dapat mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan proses penyampaian maklumat, dapat menjimatkan masa dan kos dan menyokong kepada dasar-dasar kerajaan. Melalui teknik ini, penggunaan aplikasi android menggunakan telefon pintar telah dikenalpasti sebagai satu kaedah terbaik yang dapat menyelesaikan permasalahan kesukaran mendapatkan maklumat penghuni dalam tempoh yang


singkat dan maklumat yang tepat. Manakala melalui teknik “**How**”, digunakan untuk mengenalpasti bagaimana cara atau kaedah untuk membangunkan aplikasi melalui telefon pintar yang lebih cepat dan efektif. Terakhir sekali teknik “**How much**” mengenalpasti bagaimana kaedah yang dihasilkan dapat menjimatkan kos dan masa.

Langkah ketiga untuk konsep Design Thinking ialah “**Ideate**”. Ideate merupakan suatu proses untuk menjana idea yang paling mungkin untuk penyelesaian masalah. Sehubungan dengan itu, penggunaan teknik “SCAMPER” untuk penghasilan idea dan kaedah penyelesaian terbaik. Di dalam teknik SCAMPER terdapat 7 elemen iaitu *substitute*, *combine*, *adapt*, *modify*, *purpose*, *eliminate* dan *reverse/rearrange*.

SCAMPER




Melalui konsep ini terdapat 4 elemen yang digunakan dalam projek ini iaitu, *reduce*, *create*, *eliminate* dan *raise*. Kesemua elemen ini, berkait rapat dengan teknik SCAMPER yang digunakan dalam mencari kaedah pelaksanaan projek kumpulan. Ini menunjukkan projek ini mendokong dan menepati dasar-dasar kerajaan. Pada peringkat prototype ini, kumpulan PARADIGMA telah menetapkan untuk membina satu *Smart Phone Application* yang mampu untuk menyelesaikan permasalahan mengenai proses penyampaian maklumat. Ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh kumpulan adalah mudah digunakan, tidak melibatkan penggunaan data/ kredit/ bill telefon, pengguna telefon android, saiz untuk aplikasi adalah kecil. Proses untuk pembangunan “**Smart Phone Application**” melibatkan beberapa peringkat.





(b) Penghasilan dan Pengujian Prototaip

Langkah pertama kumpulan telah muat turun perisian android studio kedalam komputer.





Pada peringkat ini beberapa jenis software telah disenarai pendek untuk digunakan dan pihak kumpulan akhirnya telah memilih software android studio untuk proses pembangunan aplikasi ini.

Pada langkah kedua, kumpulan telah membangunkan "coding" untuk dimasukkan kedalam software. Pada tahap ini, coding yang telah dicari untuk dimasukkan ke dalam software telah diujicuba akan kebolehpayaan untuk berfungsi dengan baik. Antara coding yang telah dicari adalah seterusnya, sebelum, n/b, nama dan banyak lagi.




Seterusnya kumpulan telah membuat rekabentuk aplikasi yang dikehendaki. Sebagai contoh, susun atur carian yang dikehendaki, apa yang perlu ada dalam carian, kemasan susunan dalam aplikasi. Semua ini diambil kira oleh kumpulan bagi memberikan keselesaan kepada pengguna apabila siap kelak.

Selepas itu, kumpulan telah menetapkan setiap fungsi untuk fail yang telah dibuat. Ini bermaksud, setiap butang di dalam aplikasi mempunyai fungsi tersendiri dan perlu dibina bagi setiap fail. Sebagai contoh, fail nama perlu dibina dengan coding tersendiri berdasarkan aplikasi fail tersebut.




Kemudian untuk carian lain pula perlu membuat fail yang lain pula. Dalam proses ini banyak melibatkan fail-fail yang kecil dan perlu diuji keberkesannya juga.

Seterusnya, fail-fail yang kecil tadi dikumpul dan disatukan semuanya untuk dijadikan satu aplikasi smart phone. Proses ini memakan masa yang agak lama kerana fail-fail yang kecil tadi perlu dijana untuk mencari




keserasian dan kebolehupayaan untuk berfungsi dengan baik didalam satu aplikasi. Jika salah satu fail gagal berfungsi, proses untuk semakan semula (rechecking) akan dijalankan.




Selepas itu, kumpulan akan menjalankan ujicuba yang pertama bagi menilai tahap keberhasilan aplikasi yang dibangunkan. Untuk itu, beberapa buah telefon pintar telah dimuat turun aplikasi ini. Beberapa permasalahan telah dikenalpasti semasa proses ujicuba ini. Pada tahap ini, semua ahli kumpulan terlibat untuk tujuan simulasi bagi mendapatkan maklumbalas dengan cepat. Kumpulan telah menjalankan penambahbaikan jika berlaku permasalahan. Antara permasalahan yang dapat dikesan adalah sesetengah model telefon tidak dapat menggunakan aplikasi ini, ada yang tidak boleh untuk menggunakan butang setiap fail yang dimasukkan. Hasil permasalahan yang dikesan, kumpulan telah mencari punca masalah (troubleshoot) aplikasi dan telah membuat penambahbaikan.

Seterusnya simulasi kedua akan dijalankan sekali lagi mencari kekangan dan masalah sepanjang penggunaan aplikasi ini kepada pengguna. Sepanjang proses ujicuba ini, tiada permasalahan dikesan.



Untuk memastikan aplikasi ini digunakan oleh semua kakitangan yang terlibat, kumpulan telah mendapatkan kebenaran daripada pihak pengurusan AADK Negeri Kedah untuk aplikasi ini digunakan dan dapat dikembangkan ke setiap Daerah. Pada peringkat akhir, aplikasi ini boleh digunakan oleh semua kakitangan yang terlibat. Antaranya pegawai Pencegahan, Pegawai Rawatan & Perubatan, pengawal keselamatan serta pegawai khidmat pelanggan. Ini akan membuatkan kerja serta fungsi semua kakitangan akan lebih mudah dan cepat dalam proses menyampaikan maklumat berkaitan dadah.

Pada peringkat ujicuba, pelan tindakan penyelesaian dan tempoh penghasilan projek ditunjukkan. Pelaksanaan tindakan penyelesaian diterangkan secara jelas. Hasil dari aplikasi yang dibangunkan oleh kumpulan serta ujicuba yang telah dijalankan, maka aplikasi "**Kamus Antidadah My Alert**" telah berjaya dibangunkan oleh kami. Masalah utama kepayahan mendapatkan maklumat dapat diselesaikan dengan jurang masa untuk menyalurkan maklumat dapat dikurangkan. Ini satu kejayaan bagi AADK Negeri Kedah dalam melestarikan perkhidmatan kepada pelanggan terutamanya dari luar kerana imej jabatan dapat dijaga.



(c) Perakuan Daripada Pihak Bertauliah

Hasil kejayaan “**Kamus Antidadah My Alert**” ini, pengarah AADK Negeri Kedah dan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan UNIMAP telah mengeluarkan perakuan atas pencapaian kumpulan dalam penghasilan projek yang banyak memberikan manfaat kepada semua pihak terutamanya pelanggan dan stakeholder. Kumpulan juga telah mendapat pengiktirafan dari pihak luar di peringkat negeri iaitu dari Pejabat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Pejabat Wakil Rakyat di dalam negeri kedah. Di peringkat daerah pula telah mendapat pengiktirafan dari Pejabat Daerah Kubang Pasu, Pejabat Agama Daerah Kubang Pasu dan Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu.

(d) Pelaksanaan Inovasi

Kelebihan menggunakan “**Kamus Antidadah My Alert**” ini ialah maklumat dapat dicapai dengan cepat dan tepat. Selain itu, penglibatan kakitangan dapat dikurangkan semasa pencarian maklumat yang dikehendaki. “**Kamus Antidadah My Alert**” tidak melibatkan penggunaan internet hanya perlu di muat turun aplikasi pada telefon pintar. Aplikasi ini juga mudah digunapakai oleh setiap peringkat umur yang terlibat. Selain mengoptimumkan penggunaan masa, aplikasi ini juga tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan. Antara cabaran dan halangan yang dihadapi oleh kumpulan semasa menjayakan projek ini, ialah untuk mendapatkan komitmen dari setiap ahli kumpulan yang terdiri daripada dua jabatan berbeza. Tidak semua model telefon pintar boleh menggunakan aplikasi ini walaupun menggunakan sistem Android seperti Iphone. Perkongsian fail hanya boleh dikongsi melalui aplikasi telegram selain daripada Share It dan Bluetooth kerana saiz data maklumat bersaiz besar. Walaubagaimanapun implikasi di atas dapat diatasi melalui beberapa proses penambahbaikan

KRITERIA 4: KEBERHASILAN PROJEK

(a) Pencapaian Outcome dan Pembuktian


Keberthasilan dari projek yang dijalankan oleh kumpulan PARADIGMA telah banyak memberikan output yang positif. Antaranya dari segi penjimatan masa, kos dan tenaga. Dalam aspek masa, banyak jurang masa dapat dikurangkan hasil projek ini. Pada peringkat sebelum projek dijalankan, sebanyak **27 minit** digunakan untuk menyelesaikan permohonan dari pelanggan. Namun setelah projek dijalankan dan telah menjalani beberapa penambahbaikan, masa purata untuk menyelesaikan satu-satu permintaan pelanggan adalah **4 minit**. Ini menunjukkan sebanyak **85.15%** penjimatan masa telah dilaksanakan. Kesan yang kedua adalah dari segi produktiviti, peningkatan hasil kerja merupakan target utama kumpulan melalui projek ini. Hasil yang diperolehi memberangsangkan dan positif kerana pelanggan lebih mudah untuk membuat semakan dan pencarian maklumat apabila menggunakan aplikasi “**Kamus**

Antidadah My Alert” ini. Ia menjadi satu kepuasan kepada pelanggan apabila maklumat yang dikehendaki cepat, tepat dan mudah diperolehi.

Dari segi kos pula, aplikasi ini dapat menjimatkan penggunaan kertas. Hal ini berlaku apabila pelanggan tidak lagi perlu mencetak maklumat apabila dikehendaki tetapi hanya menggunakan telefon pintar untuk mencari maklumat yang diperlukan pada bila-bila masa. Selain itu, kualiti kepuasan pelanggan dapat dilihat dengan jelas hasil projek yang dijalankan. Ini dapat dibuktikan dengan data soal selidik kepuasan pelanggan selepas projek ini dibangunkan. Pelanggan dilihat lebih mesra dengan kakitangan yang bertugas. Ini dapat menaikkan imej jabatan secara tidak langsung. Kakitangan juga dilihat semakin cekap dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Kakitangan dilihat lebih mesra dalam menjalankan tugas apabila beban kerja dapat dikurangkan dengan menggunakan **“Kamus Antidadah My Alert”** ini. Maklumat yang disampaikan kepada pelanggan juga adalah tepat. Ini menunjukkan ketepatan adalah diutamakan dalam menyalurkan maklumat. Dari segi tenaga pula, sesiapa sahaja boleh mengakses aplikasi ini.


Oleh yang demikian, kesan yang lain adalah keseronokan dalam bekerja. Kakitangan akan lebih seronok dalam melaksanakan tugas terutamanya berkaitan penyaluran maklumat kepada pelanggan kerana dapat menggunakan medium ICT yang lebih ringkas serta menyenangkan kerja mereka. Banyak langkah-langkah dapat dikurangkan dan proses menjadi lebih cepat. Pelanggan juga tidak perlu hadir ke Pejabat AADK untuk mendapatkan maklumat tetapi hanya perlu memuat turun aplikasi tersebut dan terus merujuk kepada AADK berkaitan untuk tindakan lanjut. Dengan terciptanya aplikasi ini, segala urusan berkaitan mendapatkan maklumat menjadi lebih mudah, fleksibel serta lebih produktif. Penggunaan aplikasi ini dapat membantu jabatan-jabatan lain mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan cepat dan tepat dan secara tidak langsung memudahkan proses kerja. Melalui aplikasi ini juga, maklumat-maklumat terkini berkaitan dadah akan lebih mudah untuk dirujuk oleh pegawai atau pelanggan yang memerlukan dengan lebih efisien.

CARTA ALIR SEBELUM PELAKSANAAN APLIKASI



Data Masa Sebelum (Diambil Pada Hari Bekerja)

Aktiviti	Ujikaji 1	Ujikaji 2	Ujikaji 3	Ujikaji 4	Ujikaji 5	Purata Masa (Minit)
Mengumpul maklumat yang dikehendaki pelanggan	2	2	2	2	2	2
Mencari maklumat di dalam buku atau laman Web AADK	10	8	7	10	5	8
Menghubungi pegawai tertentu untuk khidmat nasihat	5	4	4	3	5	4
Pegawai memberi khidmat nasihat dan maklumat kepada pelanggan	8	10	8	7	5	8
Jika maklumat tidak lengkap, perlu rujukan pegawai lain yang berkaitan	2	4	3	2	3	3
Maklumat disampaikan kepada pelanggan	2	2	2	2	2	2
Jumlah masa yang diambil						27

CARTA ALIR SELEPAS PELAKSANAAN APLIKASI**Data Masa Selepas (Diambil Pada Hari Bekerja)**

Aktiviti	Ujikaji 1	Ujikaji 2	Ujikaji 3	Ujikaji 4	Ujikaji 5	Purata Masa (Minit)
Pelanggan memuat turun Aplikasi My Alert dan mengakses maklumat yang dikehendaki	2	2	2	2	2	2
Terus merujuk pegawai kepada bahagian atau unit yang berkaitan untuk tindakan lanjut	2	3	3	2	2	2
Jumlah masa yang diambil						4

Data-data kebanyakan didapati dari soal selidik yang dijalankan bagi mengukuhkan lagi pembuktian projek kumpulan. Perbezaan data sebelum dan selepas menunjukkan perubahan yang positif. Kebanyakan pelanggan sangat berpuashati setelah aplikasi **“Kamus Antidadah My Alert”** ini dibangunkan. Seperti, jurang masa amat ketara perubahannya apabila **“Kamus Antidadah My Alert”** digunapakai dalam sistem penyampaian maklumat. Contohnya, sebelum penggunaan masa yang diambil adalah 27 minit untuk satu-satu proses urusan namun setelah **“Kamus Antidadah My Alert”** digunapakai masa yang diambil hanyalah 4 minit. Ini menunjukkan keberhasilan projek ini sangat positif. Sebanyak 85.15% penurunan masa telah dicatat. Ini menunjukkan **“Kamus Antidadah My Alert”** telah BERJAYA mengatasi masalah yang dihadapi.

(b) Penilaian Impak dan Pembuktian

Projek ini dijangka akan memberikan kesan jangka panjang yang boleh menyumbang kepada jabatan dan seterusnya negara kerana **“Kamus Antidadah My Alert”** secara dasarnya mendokong ke arah dasar-dasar agenda nasional negara khususnya agenda Wawasan 2020. Secara dasarnya, apabila projek ini diseragamkan ke seluruh negara ia akan menampakkan keberhasilan seiring dengan dasar yang diwar-warkan oleh pihak kerajaan. Selain itu, projek ini dapat mengurangkan penggunaan kertas kerana banyak maklumat boleh didapati secara terus dari telefon pintar. Ini menunjukkan pihak pengurusan AADK Negeri Kedah menyahut seruan kempen **“Go Green”** yang dilancarkan kerajaan. Tambahan lagi, ia membantu dalam mewujudkan persekitaran **“Go Green”** yang sesuai dengan zaman terkini, mengurangkan kadar penghasilan kertas dan pembaziran kertas yang boleh merosakkan persekitaran bumi kita ini.

Selain itu, hubungan antara pelanggan dengan kakitangan akan menjadi lebih baik kerana layanan mersra, cepat, tepat dan betul daripada kakitangan AADK Negeri Kedah terhadap permintaan mereka. Ini membuatkan pihak pelanggan akan lebih menghargai apa yang dilakukan oleh pihak pengurusan terhadap mereka. Melalui **“rapport”** yang terbina kukuh melalui keberkesanan penyampaian maklumat, hubungan kakitangan AADK Negeri Kedah bersama-sama pelanggan mampu untuk meningkatkan tahap kerjasama bagi menyampaikan maklumat yang berkesan dan lebih efisien.

Kesan seterusnya yang boleh menyenangkan hasil projek ini adalah memudahcara untuk mengenal pasti anak-anak dan pelajar-pelajar serta sesiapa sahaja yang berisiko terlibat dengan dadah. Mereka boleh mengakses pada bila-bila masa apabila diperlukan dan mampu untuk merujuk kaedah rawatan yang boleh digunakan mengikut keperluan dan kesesuaian.

Kesan yang terakhir yang bakal diperolehi hasil **“Kamus Antidadah My Alert”** ini adalah dapat menghubungkan dengan jabatan dan agensi kerajaan lain serta organisasi yang berkaitan. Aplikasi ini sesuai untuk semua kerana ia mudah untuk digunakan serta senang diakses melalui penggunaan telefon pintar sahaja. Ia juga tidak melibatkan perbelanjaan yang tinggi. Di samping itu kesan jangka panjang yang

diharapkan adalah di mana hasrat untuk mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat dapat direalisasikan sepertimana yang terkandung dalam program tranfomasi Negara.

Pembuktian melalui perolehan data atau 'start ranking' di dalam sistem aplikasi **"Kamus Antidadah My Alert"** merupakan satu pembuktian bahawa ia sangat berguna dan bermanfaat kepada semua pihak. Pembuktian melalui jumlah pengguna yang telah mengakses adalah melebihi 700 capaian melalui *"Play Store"*. Aplikasi **"Kamus Antidadah My Alert"** juga telah menjadi ***World Wide trending No 1*** di *"Play Store"* melalui kategori *Education*.

(c) Faedah Sampingan (Luar Jangka)

"Kamus Antidadah My Alert" menyediakan maklumat yang tepat, padat, jimat masa dan tenaga serta kos. Ini dapat dibuktikan melalui data dan sumber rasmi yang boleh didapati melalui satu akses yang mudah. Pelanggan yang memerlukan maklumat berkaitan tidak perlu lagi untuk mencari di internet atau ke Pejabat AADK terdekat. Maklumat boleh diperolehi hanya di hujung jari.

KRITERIA 5: POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

(a) Tahap Ketersediaan Teknologi/ Sistem/ Proses

Aplikasi projek iaitu **"Kamus Antidadah My Alert"** ini dirangka, dibina dan dihasilkan dalam bentuk model yang terbaru dan dikemaskini dalam rekabentuk yang mesra pengguna dan lebih interaktif bagi pengguna. Aplikasi projek ini sedia digunapakai dalam keadaan yang meluas dan sedia dikomersialkan di tahap institusi, Negara dan Antarabangsa. Aplikasi ini dipilih berdasarkan faktor kos yang rendah, mudah dibawa ke mana-mana sahaja dan sesuai untuk semua peringkat umur dan generasi. Hanya perlu ada telefon pintar yang mempunyai Sistem Android, internet ketika memuat turun aplikasi melalui 'Google Play' sahaja. Sehubungan dengan itu, projek ini telah pun dikembangkan dan diuji di AADK Negeri Kedah, UNIMAP dan seluruh daerah di Negeri Kedah bagi mendapatkan maklumat dan tindak balas pengguna melalui penggunaan aplikasi **"Kamus Antidadah My Alert"**.

